

Headline	Suami hilang lepas di tegur		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 May 2013	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	19	ArticleSize	355 cm ²
AdValue	RM 13,111	PR Value	RM 39,333



Suami hilang lepas ditegur

■ Wanita bersama tujuh anak ikat perut jalani kehidupan

“Saya harap suami pulang segera demi masa depan anak!”
Nurulhuda Ismail

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@mediapri-
ma.com.my
Johor Bahru

“**S**ejak tiga bulan lalu, hampir setiap hari kami lapan beranak hanya makan nasi bersama kicap. Semuanya bermula apabila suami terus tidak pulang ke rumah selepas saya menegurnya supaya mencari kerja tetap,” kata Nurulhuda Ismail, 40, semalam.

Nurulhuda yang berasal dari Larkin dan tidak bekerja berkata, suaminya yang hanya dikenali sebagai Amran, 45, meninggalkan rumah mereka pada pertengahan Februari lalu.

“Sebelum itu, saya menegur suami yang tidak mempunyai pekerjaan menyebabkan kami kerap kesempitan wang.

“Teguran itu sebenarnya

bertujuan menaikkan semangat suami mengubah nasib keluarga namun ia menyebabkan suami menghilangkan diri, dia mungkin merajuk kerana ditegur,” katanya.

Beliau berkata, akibat tegurannya itu, dia terpaksa menjaga tujuh anak berusia dua hingga 15 tahun selain mengharapkan bantuan rakan untuk menyekolahkan tiga daripada anaknya itu.

Nurulhuda berkata, bagaimanapun, penderitaannya berkurangan selepas seorang rakan wanitanya yang simpati mempelawanya menumpang di rumah wanita berkenaan baru-baru ini di Flat Larkin.

“Saya tidak mampu membayar sewa rumah dan membeli makanan. Rakan yang simpati mengajak saya tinggal bersamanya buat sementara.

“Saya juga tidak mampu

bekerja kerana perlu memberi penjagaan kepada anak bongsu, Muhammad Afiq, yang kerap mengalami masalah kesihatan termasuk demam panas,” katanya.

Menurutnya, dia juga memohon bantuan daripada beberapa agensi kerajaan namun gagal kerana dia dikatakan tidak layak memandangkan masih bersuami.

Katanya, keadaannya umpama digantung tidak bertali kerana suami langsung tidak menghubunginya atau memberi nafkah sejak menghilang diri.

“Malah dalam tempoh berkenaan, Muhammad Afiq kerap jatuh sakit. Semalam (kelmarin), dia baru keluar hospital selepas beberapa hari menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.

“Saya berharap suami pulang segera bagi menyelesaikan masalah keluarga de-

mi masa depan anak,” katanya.

Nurulhuda ditemui pada program khidmat masyarakat anjuran Pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Utara Malaysia (UUM) Kampus Johor Bahru dengan kerjasama Rumah Sinar Sofia di Jalan Wong Ah Fook di sini.

Beliau antara individu yang menerima sumbangan makanan menerusi program berkenaan selepas dia dilihat berada di Jalan Wong Ah Fook sementara menunggu bas bersama dua anaknya.

Sementara itu, pengarah program berkenaan Dzulkifli Isnain berkata, pihaknya berharap agensi kerajaan berkaitan dapat menawarkan bantuan sesuai kepada Nurulhuda dan keluarganya.